

29 AUG 1998

Mahathir-Sukan/I

MALAYSIA AKAN MENANGI PINGAT EMAS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) --- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia akan memenangi pingat emas pada Sukan Komanwel di sini bulan depan.

"Jika tidak, kita akan memotong sedikit daripada kepingan emas ini dan cairkannya dalam periuk dan menjadikannya pingat emas," katanya secara berjenaka selepas menerima sumbangan beberapa kepingan emas seberat 10 kilogram bernilai RM400,000 daripada Syarikat Haniffa Textiles Sdn Bhd.

"Tetapi saya pasti kita akan menang beberapa pingat emas," katanya sambil disambut tepukan gemuruh daripada para penyumbang di sebuah restoran di Bangsar di sini malam ini.

Kepingan emas itu, disampaikan oleh pemilik Haniffa Textiles O.K. Mohamad Haniffa, bagi Tabung Khas Negara.

Perdana Menteri sebelum itu menerima sumbangan berjumlah RM537,000 daripada beberapa syarikat bagi Sukan Komanwel itu.

Ini merupakan sumbangan kedua daripada komuniti peniaga Bangsar berikutan janji Dr Mahathir bahawa beliau akan datang melawat Bangsar sekali lagi jika setengah juta ringgit lagi dapat dikumpulkan bagi sukan itu.

Dr Mahathir membuat janji itu semasa lawatan pertamanya ke kawasan itu pada 15 Ogos di mana sebanyak RM515,000 telah dikumpulkan.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada penyumbang dengan menyatakan bahawa rakyat Malaysia, walaupun menghadapi kesulitan ekonomi, masih boleh menyumbang kerana mereka murah hati.

"Saya datang (sekali lagi) kerana tempat ini selesa. Di samping itu ada bonus (merujuk kepada kepingan emas), Saya boleh menghidu bau emas ... sebab itu saya ada di sini, katanya dalam gelak ketawa para penyumbang.

Yang turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Menteri Datuk Loke Yuen Yeow dan Setiausaha Parlimen Datuk Shahrizat Abdul Jalil, yang merupakan anggota Parlimen Lembah Pantai yang meliputi kawasan Bangsar.

--BERNAMA

RA RHM